

RM180j baiki infrastruktur saluran Johor

BH 24/1

Norliza
Abdullah
di Hanoi



HANOI: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memerlukan RM180 juta bagi menampung kos memperbaiki semula sistem infrastruktur saluran yang rosak di Johor berikutan banjir besar baru-baru ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ir Keizrul Abdullah, berkata ia merangkumi kerja membaiki dan membina kerosakan seperti menambak tebing sungai yang runtuh dan membaiki serta membina jambatan akibat banjir pertama bermula 16 Disember lalu.

Beliau berkata, ia membabitkan beberapa sungai utama di lima daerah iaitu Sungai Muar, Sungai Batu Pahat, Sungai sekitar Johor Bahru termasuk Sungai Seget, Sungai Skudai dan Sungai Tebrau dan Sungai Johor di Kota Tinggi serta Sungai Kluang.

Katanya, JPS menerusi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan mengemukakan laporan awal jumlah peruntukan yang diperlukan ke mesyuarat mingguan kabinet hari ini.

Bagaimanapun beliau berkata, jumlah peruntukan hanya membabitkan kerosakan awal infrastruktur sistem saluran kesan banjir pertama pada 16 Disember lalu.

"JPS masih menunggu laporan kesan banjir kedua bermula 13 Januari. Berikutan itu anggaran RM180 juta dijangka meningkat," katanya.

Keizrul berkata demikian kepada pemberita selepas membentangkan kertas kerja bertajuk Cabaran Asia Dalam Pengurusan Air dan Kekuatannya pada Program Inisiatif Pemimpin Muda Hitachi Kelapan, di sini semalam.

Beliau berkata, laporan susulan berhubung rancangan JPS untuk memperbaiki sistem perparitan dan saluran di Johor secara menyeluruh akan dikemukakan tidak lama lagi.

Katanya, laporan lengkap berkenaan merangkumi empat cadangan utama, iaitu menambah jumlah empangan sedia ada, memperbaiki sistem saluran di beberapa lembangan sungai terbabit dan meningkatkan sistem perparitan dan saluran beberapa lokasi strategik kegiatan ekonomi utama setiap daerah.

Bagaimanapun, cadangan itu memerlukan kajian dan penelitian secara holistik kerana ia membabitkan kos yang amat besar.

"Sebagai contoh, kerajaan perlu membelanjakan RM350 juta hingga RM1.5 bilion bagi menampung kos membaiki secara menyeluruh sistem saluran setiap sungai," katanya.

Beliau berkata, pihaknya difahamkan beberapa agensi kerajaan lain turut mengemukakan anggaran kos memperbaiki sistem infrastruktur masing-masing iaitu Jabatan Kerja Raya (RM150 juta) dan pihak berkuasa tempatan (RM45 juta).